

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 17 JUN 2015

RUJUKAN : 7983

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes siasatan, tangkapan dan dakwaan Akta Hasutan mengikut tahun sejak ia dilaksanakan dari 1948 hingga 2015 mengikut tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis tidak mempunyai rekod bagi kes-kes yang dibuka dan disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 semenjak tarikh tersebut kerana pada ketika itu belum ada lagi rakyat Malaysia menjalankan aktiviti-aktiviti berbaur hasutan.

Dengan perubahan masa dan ada sesetengah pihak cuba memecah belahkan perpaduan sedia ada, wujudlah kumpulan-kumpulan tertentu cuba menghasut rakyat menentang Kerajaan. Kita seharusnya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan terdahulu yang telah bersedia dari awal lagi untuk menggubal Akta ini sebelum sesuatu peristiwa yang tidak diingini berlaku. Memandangkan Akta ini relevan sehingga ke hari ini, maka kita seharusnya menyokong agar ianya dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod polis, sejak tahun 2008 sehingga 22 Februari 2015, sebanyak 409 kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 oleh pihak polis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 kes telah dituduh di Mahkamah. Selebihnya, sebanyak 99 kes masih di dalam siasatan, 30 kes telah dirujuk kepada Timbalan

Pendakwa Raya, 116 kes memerlukan siasatan lanjut dan baki 138 kes lagi telah dikategorikan sebagai tiada tindakan lanjut (*No Further Action* - NFA).